

Proton tidak terdesak untuk jalin perkongsian

Oleh ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 10 Mei — Pengeluar kereta kebangsaan, Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) tidak akan tergesa-gesa menjalinkan perkongsian strategik dengan syarikat asing walaupun sedang berunding dengan beberapa pihak, kata Penasihat Proton Holdings Bhd., Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, Proton sebagai sebuah syarikat yang berdaya maju dengan akaun kewangan yang sihat boleh mengambil masa untuk memilih rakan kongsi asingnya yang sesuai kerana mereka tidak terdesak untuk mendapatkan bantuan luar.

“Kita tidak harus tergesa-gesa kerana Proton masih sihat (dan) kita bukannya terdesak, macam Mitsubishi, dia terdesak, demikian juga dengan Nissan, ataupun Rover atau banyak syarikat British yang lain.

“Proton masih berdaya maju, jadi kita boleh pilih-pilih dan kita kena menilainya dengan berhati-hati kerana kalau kita buat perkongsian dengan orang yang salah, kita mungkin akan menerima lebih banyak masalah.

“Bukannya kita tidak ada duit, Proton ada cukup duit, sebab itu kita boleh bina kemudahan pengeluaran berharga lebih RM1.8 bilion (di Tanjung Malim),” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan majalah *GUTS* yang dikeluarkan oleh Proton di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Proton, Datuk Abu Hassan Kendum dan Ketua Pegawai Eksekutif, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff.

Menguasai

Proton yang menguasai 48.6 peratus pasaran kereta tempatan dengan menjual lebih 155,000 buah kereta pada tahun lalu mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.36 bilion berdasarkan perolehan sebanyak RM9.23 bilion

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003.

Dr. Mahathir berkata, rujukan yang dibuatnya kepada Rover merupakan satu contoh yang mana perkongsian pintar dengan syarikat asing membuat syarikat British itu menghadapi lebih banyak masalah daripada sebelumnya.

“Saya sebut Rover sebagai syarikat yang membuat perkongsian secara tergesa-gesa dan akhirnya gagal,” katanya, merujuk kepada pembelian kepentingan Rover oleh BMW pada tahun 1999 yang berakhir dengan syarikat Jerman itu meninggalkan rakan kongsi-nya apabila Rover gagal memenuhi matlamat keuntungannya.

Bagaimanapun, beliau mengakui Proton sedang menjalankan rundingan dengan beberapa buah syarikat terkemuka yang tidak dinamakannya. “Sekarang ini mereka ada rundingan dengan beberapa pihak yang terkenal juga (kemudiannya) Proton akan memberi pandangannya kepada Lembaga Pengarah dan mereka akan buat keputusan.

“Mereka sedang berunding, saya rasa tidak lama lagi (untuk dimeterai) tetapi mungkin juga cadangan mereka (syarikat asing) tidak cukup bagus,” tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata, rakan kongsi yang dikehendaki bukanlah syari-



DR. Mahathir Mohamad menerima cenderahati edisi pertama majalah *GUTS* daripada Tengku Mahaleel Tengku Ariff pada pelancaran majalah tersebut di Kompleks Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama

kat yang besar atau memiliki sumber kewangan tinggi, sebaliknya syarikat yang boleh memberi sumbangan membina ke-

pada pembangunan Proton. “Sebelum kita pilih kita kena tahu apa sumbangan yang boleh diberikan,

tidak semestinya yang ada teknologi tinggi maka dia akan menolong menayakan Proton, mungkin yang kecil pun boleh tolong,” ujar beliau.

Um - 11/5/2004 : 11